

25 OCT 2002

Mahathir-Sekolah

KERAJAAN HENTI BANTUAN PER KAPITA KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan telah menghentikan pemberian bantuan per kapita pada Sekolah Agama Rakyat di negara ini setelah mendapati ada di antaranya disalahgunakan untuk politik.

Kerajaan mengambil keputusan itu bagi membolehkannya mengkaji status sekolah-sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama, kata Perdana Menteri.

"Waktu ini kita telah hentikan bantuan untuk semua sekolah agama (rakyat), sehingga kita dapat pastikan yang mana sekolah agama, yang mana sekolah politik," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata kerajaan mendapati ada pelajar Sekolah Agama Rakyat yang telah diajar untuk membenci pemimpin.

"Apa yang telah berlaku, kanak-kanak yang pergi ke sekolah ini, anak-anak orang Umno, balik ke rumah lalu meminta bapanya turunkan gambar firaun.

"Jadi nampaknya dia belajar ini dalam sekolah, ini tidak termasuk dalam pelajaran agama," katanya.

Perdana Menteri berkata bantuan per kapita kepada sekolah agama rakyat, yang dihentikan sejak beberapa lama dahulu, akan hanya disambung semula setelah kerajaan berpuas hati bahawa sekolah terbabit benar-benar mengajar agama.

Beliau berkata masalah yang berlaku di sekolah-sekolah agama itu merupakan sebahagian daripada perbincangan MT hari ini.

"Kerajaan berpendapat sekolah-sekolah ini bukan sekolah agama, sebenarnya ia sekolah politik," katanya.

Dr Mahathir berkata mengajar murid-murid supaya menurunkan gambar orang, yang dikatakan menjadi firaun, bukan merupakan ajaran agama dan dengan itu kerajaan tidak boleh memberi bantuan kepada sekolah-sekolah terbabit.

"Sayapun belajar juga agama, tapi tak ada disebut macam tu, bahawa ada orang yang menjadi firaun dan gambarnya mesti diturunkan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengadakan sukatan pelajaran untuk dipatuhi oleh sekolah terbabit kelak, beliau berkata sukatan pelajaran sudah pun disediakan tetapi yang menjadi masalah ialah sekolah berkenaan tidak mengikutinya.

Beliau enggan menyebut pihak yang menyalahgunakan sekolah berkenaan untuk tujuan politik.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai pelbagai dakwaan terhadap Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said, termasuk yang melibatkan cara hidup peribadinya.

Untuk ini beliau berkata mereka yang membuat tuduhan demikian patut mengemukakan buktinya.

Terdahulu semasa diminta menyatakan pendirian Umno terhadap homoseksual dan lesbian dalam parti, Dr Mahathir berkata: "Pendirian kami amat jelas, kami tidak menerima budaya jenis ini. Jika anda terlibat dengan perkara seperti ini, sila keluar".

Puteri Umno akan mengadakan mesyuarat agung pertamanya pada 1 Nov. Azalina meraih keseluruhan pencalonan daripada 165 bahagian bagi jawatan ketua pergerakan itu.

Perdana Menteri juga berkata MT telah berbincang mengenai dasar

penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah serta menengah dan telah menetapkan pendirian parti berhubung perkara itu.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan pendirian itu tetapi menjelaskan bahawa MT, badan pembuat keputusan tertinggi Umno, telah memberi mandat kepadanya untuk membawa pendirian itu pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) minggu depan.

-- BERNAMA

AFY MAM HS RON